# SKIM PERLINDUNGAN & FAEDAH-FAEDAH PERKESO

**MOHD SYAFIQ BIN MOHD ROSDI**
Pegawai Eksekutif
PERKESO Negeri Selangor

# PENGENALAN

- Ditubuhkan sebagai Jabatan Kerajaan pada 1 Januari 1971.
- Badan Berkanun mulai 1 Julai 1985 di bawah Kementerian Sumber Manusia.
- Diamanahkan untuk melaksanakan dan menguatkuasakan:
  - Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4] dan Peraturan-Peraturan (Am) Sosial Pekerja 1971;
  - Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789]; dan
  - Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800].
  - Akta Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah [Akta 838]

# CARUMAN PERKESO

| Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4] | | | Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] | Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800] | Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah [Akta 838] |
|---|---|---|---|---|---|
| **Caruman Jenis Pertama (Skim Bencana Pekerjaan & Skim Keilatan)** | **Caruman Jenis Kedua (Skim Bencana Pekerjaan)** | **Caruman Jenis Pertama (Skim Bencana Kerja Pekerja Asing & Skim Keilatan)** | **Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS)** | **Sistem Insurans Pekerjaan (SIP)** | **Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR)** |
| Syer Majikan : 1.75%<br>Syer Pekerja : 0.50% | Syer Majikan : 1.25% | Syer Majikan : 1.75%<br>Syer Pekerja : 0.50% | Syer Orang Bekerja Sendiri : 1.25% | Syer Majikan : 0.20%<br>Syer Pekerja : 0.20% | RM120 SETAHUN<br>Dibayar secara ‘advance payment’ |
| Pekerja Warganegara / Pemastautin Tetap | Pekerja Warganegara / Pemastautin Tetap / Pekerja Asing | Pekerja Asing | Orang Bekerja Sendiri Warganegara / Pemastautin Tetap | Pekerja Warganegara / Pemastautin Tetap | Suri Rumah Warganegara / Pemastautin Tetap |
| Sebelum mencapai umur 60 Tahun<br><br>*Nota : Bagi pekerja yang telah mencapai 55 tahun dan tidak pernah mencarum, mereka tidak layak mencarum dibawah skim ini | Tiada had umur | Sebelum mencapai umur 60 Tahun<br><br>*Nota : Bagi pekerja asing yang telah mencapai 55 tahun dan tidak pernah mencarum, mereka tidak layak mencarum dibawah skim ini | Tiada had umur | 18 hingga umur 60 Tahun<br><br>*Nota : Bagi pekerja yang telah mencapai 55 tahun dan tidak pernah mencarum, mereka tidak layak mencarum dibawah skim ini | Sehingga 55 Tahun<br><br>*Nota : Bagi pekerja yang telah mencapai 54 tahun dan tidak pernah mencarum, mereka tidak layak mencarum dibawah skim ini |



PERKESO

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

PERKESO

# AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (AKSP) 1969

## AKTA 4

PERKESO Prihatin

# SIAPA YANG LAYAK?

- Semua pekerja warganegara Malaysia, pemastautin tetap dan pemegang kad pengenalan hijau yang diambil bekerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau kontrak perantisan sektor swasta dan pekerja bertaraf kontrak/sementara kakitangan Kerajaan Persekutuan/Negeri serta Badan Berkanun Persekutuan/Negeri.
- Pekerja yang dikecualikan:
  - Penjawat awam Persekutuan dan Negeri bertaraf tetap;
  - Bekerja sendiri; dan
  - Pemilik tunggal atau perkongsian itu sendiri.

  - Pekhidmat rumah tangga / pekerja domestic

    (MULA DILINDUNGI MULAI 01/06/2021)







KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PERKESO
PERKESO Prihatin

# SIAPA YANG LAYAK?

- Pekerja asing mula mendapat perlindungan di bawah Akta ini mulai 1 Januari 2019.
  - Mempunyai pasport dan pas khas untuk pekerja asing baharu
  - Mempunyai pasport dan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) atau pas kerja yang sah untuk pekerja asing yang sedia ada.

# TANGGUNGJAWAB MAJIKAN

- Mendaftar dan membayar caruman sekiranya mempunyai sekurang-kurangnya seorang pekerja atau lebih (walaupun pekerja dibayar upah secara harian, sambilan atau gaji bulan).
- Majikan dan pekerja mesti didaftarkan dengan PERKESO dalam tempoh tidak lewat daripada 30 hari dari tarikh seorang pekerja diambil bekerja.
- Melapor semua kemalangan berkaitan pekerjaan yang menimpa pekerjanya dalam tempoh masa 48 jam.

# SKIM BENCANA PEKERJAAN

PERLINDUNGAN:

1. **Kemalangan Semasa Menjalankan Pekerjaan dan Berpunca daripada Pekerjaannya**

2. **Kemalangan Semasa Dalam Perjalanan**
   i. di antara tempat kediaman dengan tempat kerja.
   ii. di antara tempat kerja dengan tempat makan dalam waktu rehat yang dibenarkan.
   iii. perjalanan yang berkaitan dengan pekerjaan (tiada pemberhentian atau lencongan)

3. **Kemalangan Semasa Kecemasan**

   Contoh: menyelamat semasa kebakaran di premis majikan.

4. **Penyakit Khidmat**

   Merujuk kepada Jadual Kelima, AKSP 1969.

   Contoh: kebisingan, bahan kimia, habuk/debu, virus, bakteria, gegaran dan sebagainya.

# FAEDAH HILANG UPAYA SEMENTARA (FHUS)

- Tempoh faedah kena dibayar sepanjang cuti sakit
- Pembayaran FHUS bergantung kepada jumlah hari cuti sakit yang disahkan oleh doktor.
- Sekurang-kurangnya empat (4) hari termasuk hari kemalangan.
- Kadar harian 80% daripada gaji harian purata anggapan pekerja.
- Minimum RM30.00 sehari dan maksimum RM132.00 sehari.

# TUNTUTAN FHUS

**Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:**

- Borang 34 - Notis Kemalangan.
- Sijil cuti sakit asal.
- Salinan kad pengenalan (depan & belakang).
- Salinan muka depan buku bank/statement bank.
- Slip gaji 6 bulan sebelum bulan kemalangan.

**Kemalangan semasa dalam perjalanan (tambahan):**

- Laporan polis.
- Peta Lakar (menunjukkan tempat mula perjalanan, tempat kemalangan, tempat ditujui)

# TUNTUTAN FHUS

- **Lewat Laporkan Kemalangan:**
  - Tempoh Melaporkan Kemalangan – 48 jam
  - Tanggungjawab Majikan menguruskan tuntutan dengan PERKESO
  - Tanggungjawab Pekerja memaklumkan kemalangan kepada Penyelia/ Pengurus/HR

- **Tindakan Kompaun Jika Lewat Laporkan Kemalangan:**
  - Lewat Kurang dari setahun – RM1,000
  - Lewat Lebih dari setahun – RM1,500

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

PERKESO

## Memberhenti atau mengurangkan faedah.

**109.** Seseorang majikan boleh memberhenti atau mengurangkan faedah yang kena dibayar kepada pekerja-pekerjanya menurut syarat-syarat perkhidmatan mereka dan yang serupa dengan faedah yang diberi oleh Akta setakat mana pekerja-pekerja itu berhak kepada faedah itu di bawah Akta : *[P 34 11*

Dengan syarat bahawa jika seseorang pekerja telah menerima gaji biasa daripada majikan bagi tempoh hilang upaya sementara, majikan adalah berhak untuk memotong daripada gaji pekerja itu jumlah faedah hilang upaya sementara yang dia mungkin layak di bawah Akta tetapi pemotongan tersebut hendaklah tidak melebihi amaun yang dibayar sebagai gaji kepada pekerja bagi tempoh hilang upaya sementara dan pemotongan tersebut boleh dibuat selepas pekerja itu menerima faedah hilang upaya sementara daripada Pertubuhan.

PERKESO Prihatin

# FAEDAH PERUBATAN

- Rawatan percuma di klinik panel PERKESO (Borang 34 perlu dibawa bersama)
- Rawatan wad kelas dua di hospital kerajaan.
- Rawatan pakar di hospital kerajaan.
- Kesemua perbelanjaan/kos rawatan akan dibayar mengikut kadar yang ditentukan oleh Akta Fi, 1951 atau seperti yang ditetapkan oleh pertubuhan.

# FAEDAH HILANG UPAYA KEKAL (FHUK)

- Orang berinsurans (OB) yang telah tamat cuti sakit dan mengalami hilang upaya kekal.
- Had masa tempoh tuntutan 12 bulan dari tarikh terakhir sijil cuti sakit.
- Kadar harian 90% daripada gaji harian purata anggapan pekerja.
- Minimum RM30.00 sehari dan maksimum RM148.50 sehari.
- Taksiran HUK ditentukan oleh Jemaah Doktor (JD) / Jemaah Doktor Rayuan (JDR) / Jemaah Doktor Khas (JDK).
- Pekerja masih boleh meneruskan pekerjaannya walaupun mendapat FHUK.
- Pemohon perlu kemukakan Laporan Perubatan lengkap yang terbaru (borang laporan perubatan format PERKESO).

# PEMBAYARAN FHUK

- Jika taksiran < 20%  - Bayaran Pukal.

- Jika taksiran > 20% - Bayaran Pukal (1/5 daripada kadar harian faedah) dan Berkala (secara berkala dan secara pencen bulanan sepanjang hayat).

- Sekiranya tidak berpuas hati ke atas taksiran JD, permohonan rayuan ke JDR hendaklah dibuat dalam tempoh 90 hari.

# ELAUN LAYANAN SENTIASA (ELS)

- OB mengalami hilangupaya kekal yang langsung (Taksiran hilang upaya kekal 100% - atas pengesyoran JD/JDR)
- Dibayar kepada pekerja yang ditimpa kemalangan sekiranya tidak berupaya menjaga/menguruskan dirinya sendiri dan memerlukan layanan dari seseorang.
- **Kadar RM500 / sebulan.**

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA PERKESO

# FAEDAH PEMULIHAN

- Pemulihan jasmani dan vokasional secara PERCUMA kepada pekerja yang menerima hilang upaya kekal atas syor JD/JDR.
- Pemulihan jasmani - pembekalan, pembaikan dan gantian alat ortotik, orthopedik, prostetik dan Program *Return to Work (RTW).*
- Pemulihan vokasional - kursus elektronik, pertukangan, telefonis, jahitan dan sebagainya.
- Segala perbelanjaan ditanggung oleh PERKESO.

# PUSAT REHABILITASI PERKESO




Fisioterapi



Terapi Cara Kerja



Terapi Sensori




Vokasional - Jahitan




Vokasional – Bakeri & Kulinari




PERKESO

# FAEDAH ORANG TANGGUNGAN (FOT)

- Faedah ini dibayar kepada orang tanggungan/waris sekiranya pekerja meninggal dunia akibat bencana kerja.
- Kadar harian adalah 90% daripada gaji harian purata anggapan tertakluk kepada kadar harian minimum RM30.00 sehari dan maksimum RM148.50 sehari.

# PEMBAHAGIAN FAEDAH FOT

| TANGGUNGAN | BAHAGIAN | SYARAT |
|---|---|---|
| Balu atau Duda | 3/5 | • Terima faedah seumur hidup meskipun telah berkahwin semula |
| Anak (anak kandung, anak tiri yang disara, anak angkat, atau anak tidak sah taraf). | 2/5 | • Terima faedah sehingga umur 21 tahun / berkahwin.<br>• Pelajar IPT - sehingga mendapat Ijazah Pertama / berkahwin.<br>• Anak yang terencat akal / cacat anggota dan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri - selama anak itu tidak berupaya menyara kehidupannya. |

# PEMBAHAGIAN FAEDAH FOT

- Jika OB meninggal dunia dan tidak meninggalkan balu/duda/anak (OB belum berkahwin), FOT dibayar kepada:

| TANGGUNGAN | BAHAGIAN | SYARAT |
|---|---|---|
| Ibubapa | 4/10 | Terima faedah seumur hidup |
| Adik-beradik | 3/10 | Terima faedah sehingga umur 21 tahun / berkahwin |
| Datuk nenek (Sekiranya tiada ibubapa) | 4/10 | Terima faedah seumur hidup |

# FAEDAH PENGURUSAN MAYAT (FPM)

- Maksimum RM3,000.00 akan dibayar, di mana seseorang maut terbit daripada bencana kerja ATAU kematian semasa menerima faedah hilang upaya kekal berkala.
- Pembayaran akan dibuat kepada waris yang layak / pihak yang menanggung segala perbelanjaan pengkebumian itu.
- Bagi pekerja asing, RM6,500 dibayar bagi kematian di Malaysia dan jenazah dihantar pulang ke nagara asal untuk pengkebumian.
- Bagi pekerja asing, sekiranya kes diputuskan Bukan Bencana Kerja (BBK), Kos Penghantaran Pulang Jenazah yang akan dibayar kepada majikan adalah mengikut kos sebenar berdasarkan resit tertakluk kepada jumlah maksimum RM4,500.

# FAEDAH PENDIDIKAN

- Dalam bentuk pinjaman kepada anak tanggungan seseorang berinsurans yang menerima faedah secara berkala yang memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan oleh PERKESO.
- Syarat permohonan :
  i. Belum berkahwin.
  ii. Belum mencapai umur 21 tahun semasa mendaftar di IPTA/IPTS.
  iii. Telah membuat permohonan pinjaman dengan agensi pemberi pinjaman lain tetapi permohonan tersebut ditolak/gagal;

# FAEDAH PENDIDIKAN

**PERHATIAN:**

- Caj Perkhidmatan atas kadar 2% setahun akan dikenakan bagi pinjaman ini.
- Adik-beradik Orang Berinsuran (OB) TIDAK LAYAK memohon.
- Pengajian peringkat matrikulasi / pra / asasi TIDAK LAYAK memohon pinjaman pendidikan ini.

*Faedah ini tidak terpakai untuk pekerja asing.

# SKIM BENCANA PEKERJAAN

## HILANG UPAYA KEKAL (HUK)

**BAYARAN** berdasarkan taksiran Jemaah Doktor /Jemaah Doktor Rayuan terhadap pekerja yang mengalami hilang upaya kekal akibat bencana pekerjaan.

## HILANG UPAYA SEMENTARA (HUS)

**BAYARAN** tempoh cuti sakitnya sekurangnya 4 hari.

## PEMULIHAN JASMANI/VOKASIONAL

**KEMUDAHAN PEMULIHAN JASMANI** : fisioterapi, terapi pekerjaan, pembedahan rekonstruktif, bekalan alat pemulihan, bekalan prostetik, ortotik dan lain-lain alat.

**KEMUDAHAN VOKASIONAL**: latihan dalam bidang elektrikal, jahitan, membaiki radio/TV, menaip dan lain-lain. *Pekerja Asing hanya layak Alat Pemulihan

## FAEDAH PERUBATAN

Rawatan perubatan secara percuma di klinik panel PERKESO/ klinik / hospital kerajaan

## ELAUN LAYANAN SENTIASA

Jemaah Doktor/Jemaah Doktor Rayuan memutuskan layak untuk mendapat elaun layanan sentiasa

## FAEDAH ORANG TANGGUNGAN

**BAYARAN** secara bulanan kepada orang tanggungan yang layak sekiranya pekerja terlibat meninggal dunia akibat bencana pekerjaan.

## PENGURUSAN MAYAT

Kos pengurusan pengebumian dibayar kepada waris yang layak.
Penghantaran jenazah pekerja asing ke negara asal.

## FAEDAH PENDIDIKAN

Pinjaman disediakan kepada anak tanggungan.

**Faedah Bencana Kerja untuk Pekerja Tempatan & Asing di bawah Akta 4 & 789**

# SKIM KEILATAN



# SKIM KEILATAN

DEFINISI KEILATAN:

Suatu **keuzuran yang serius**, **kekal** atau **tidak boleh** atau **tidak mungkin akan sembuh** yang mana mengakibatkan seseorang pekerja itu tidak mampu mencari nafkah sekurang-kurangnya satu pertiga (1/3) daripada keupayaan seseorang pekerja yang normal.

- Perlindungan **24 jam** kepada pekerja terhadap keilatan akibat sebarang sebab yang **tidak berkaitan dengan pekerjaan**.

  Contoh : masalah buah pinggang, barah, sakit jiwa, asma kronik

# FAEDAH PENCEN ILAT

SYARAT KELAYAKAN:

- **Belum** mencapai umur 60 tahun pada masa notis ilatnya diterima.
- Bagaimana sekiranya pekerja telah mencapai umur 60 tahun?
- Disahkan ilat oleh **JD / JDR**.
- Telah memenuhi mana-mana syarat kelayakan caruman yang telah ditetapkan sama ada **Kelayakan Caruman Penuh** atau **Kelayakan Caruman Yang Dikurangkan**.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA PERKESO PERKESO Prihatin

# FAEDAH PENCEN ILAT

- Dibayar selama pekerja **mengalami keilatan** atau **hingga meninggal dunia** dan akan disambung kepada **Orang Tanggungan** – menerima **Pencen Penakat**

# ELAUN LAYANAN SENTIASA

- Penerima Pencen Ilat atas pengesyoran JD / JDR di mana Orang Berinsuran (OB) terbabit **memerlukan penjagaan orang lain**.
- Kadar **RM500** / sebulan.

# PENCEN PENAKAT

Pencen dibayar kepada **orang tanggungan OB** yang **mati** akibat sebarang sebab yang tidak berkaitan dengan pekerjaan dalam mana-mana keadaan berikut :

a) **Semasa** seorang pekerja **menerima Pencen Ilat** tidak kira berapa pun umurnya.

atau ;

b) **Sebelum mencapai 60 tahun** tetapi telah memenuhi syarat **Kelayakan Caruman Penuh** atau **Kelayakan Caruman Yang Dikurangkan**.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA PERKESO PERKESO Prihatin

# FAEDAH PENGURUSAN MAYAT

- Maksimum **RM3,000.00** akan dibayar, sekiranya:

i. seseorang penerima pencen ilat meninggal dunia akibat sebarang sebab

Atau;

i. seseorang yang tidak menerima pencen ilat dengan syarat belum mencapai umur 60 tahun tetapi telah memenuhi syarat **Kelayakan Caruman Penuh** atau **Kelayakan Caruman Yang Dikurangkan**.

- Pembayaran akan dibuat kepada waris yang layak atau pihak yang menanggung segala perbelanjaan pengkebumian.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA PERKESO PERKESO Prihatin

# FAEDAH PENDIDIKAN

- Dalam bentuk pinjaman kepada anak tanggungan seseorang berinsurans yang menerima **PENCEN ILAT** atau **PENCEN PENAKAT** yang memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan oleh PERKESO.
- **Syarat permohonan :**

i. Belum berkahwin.

ii. Belum mencapai umur 21 tahun semasa mendaftar di IPTA/IPTS.

iii. Telah membuat permohonan pinjaman dengan agensi pemberi pinjaman lain tetapi permohonan tersebut ditolak/gagal.

# FAEDAH PEMULIHAN

PEMULIHAN JASMANI termasuk:

- Fisioterapi
- Terapi pekerjaan
- Pembedahan rekonstruktif
- Bekalan prostetik, ortotik dan lain-lain alat
- Bekalan ortopedik seperti kerusi roda, tongkat, alat pendengaran, cermin mata, kasut khas dan lain-lain

PEMULIHAN VOKASIONAL termasuk:

- Latihan dalam bidang seperti elektrikal, jahitan, membaiki telefon bimbit dan lain-lain.

# FAEDAH PEMULIHAN

KEMUDAHAN DIALISIS bagi Orang Berinsurans yang menghidap sakit buah pinggang kronik termasuk:

- Rawatan haemodialisis di pusat dialisis panel dan bukan panel PERKESO atau Hospital Kerajaan
- Rawatan kaedah Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD)
- Bantuan subsidi suntikan Erythropoietin (EPO)
- Bantuan subsidi pembelian ubat Immunosuppressant
- Bayaran pembedahan Arteriovenous (AV) Fistula

**Semua perbelanjaan kemudahan pemulihan di atas ditanggung oleh PERKESO mengikut kadar dan syarat-syarat yang ditetapkan.**

## PENCEN ILAT



**BAYARAN** kepada pekerja yang layak dan disahkan menghidap keilatan oleh Jemaah Doktor /Doktor Rayuan. Dibayar selama pekerja mengalami keilatan/hingga meninggal dunia.

## BANTUAN ILAT



**BAYARAN** secara pukal kepada Pekerja yang **TIDAK** layak menerima **Pencen Ilat** kerana tidak memenuhi kelayakan caruman. Kadar adalah sama banyaknya dengan jumlah caruman yang telah dibayar oleh pekerja dan majikan untuk Skim Keilatan termasuk faedahnya.

## PENCEN PENAKAT



**BAYARAN** secara bulanan kepada orang tanggungan yang layak sekiranya pekerja meninggal dunia akibat sebarang sebab.
Syarat : Pekerja meninggal dunia sebelum mencapai 60 tahun & memenuhi syarat kelayakan caruman ATAU meninggal semasa menerima Pencen ILAT tanpa mengira umur.

**Faedah Keilatan untuk Pekerja Tempatan SAHAJA di bawah Akta 4**

# SKIM KEILATAN

## PENDIDIKAN



Pinjaman disediakan kepada anak tanggungan.

## PEMULIHAN JASMANI/ VOKASIONAL/DIALISIS



**Kemudahan pemulihan jasmani** : fisioterapi, terapi pekerjaan, pembedahan rekonstruktif, bekalan alat pemulihan, bekalan prostetik, ortotik dan lain-lain alat.

**Kemudahan vokasional** : latihan dalam bidang elektrikal, jahitan, membaiki radio/TV, menaip dan lain-lain.

**Kemudahan dialisis** bagi pekerja yang menghidap sakit buah pinggang kronik

## ELAUN LAYANAN SENTIASA



Jemaah Doktor/Jemaah Doktor Rayuan memutuskan layak untuk mendapat elaun layanan sentiasa

## PENGURUSAN MAYAT



Kos pengurusan pengebumian dibayar kepada waris yang layak.

# PERLINDUNGAN SKIM KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA AKTA 4

## BENCANA KERJA

- **Perlindungan :-** Semasa bekerja dengan majikan semasa
- **Skop Perlindungan**
  - Kemalangan Semasa Menjalankan Pekerjaan dan Berpunca daripada Pekerjaannya
  - Kemalangan Semasa Dalam Perjalanan
  - Kemalangan Semasa Kecemasan
  - Penyakit Khidmat
- **Faedah dibawah Bencana Kerja**
  - Faedah Perubatan
  - Hilang Upaya Sementara (HUS)
  - Hilang Upaya Kekal (HUK)
  - Elaun Layanan Sentiasa
  - Faedah Pemulihan Jasmani / Vokasional / Program RTW
  - Faedah Orang Tanggungan (FOT)
  - Faedah Pengurusan Mayat
  - Faedah Pendidikan

## KEILATAN

- **Perlindungan :-** Perlindungan 24 jam bukan disebabkan pekerjaan dan tidak semestikan bekerja dengan majikan. Perlindungan sebelum umur 60 Tahun
- **Skop Perlindungan**
  - Tidak berkaitan dengan pekerjaan
  - Keilatan yang tidak mampu bekerja
  - Kematian atas apa sahaja sebab
- **Faedah dibawah Skim Keilatan**
  - Pencen Ilat
  - Bantuan Ilat
  - Elaun Layanan Sentiasa
  - Pencen Penakat
  - Faedah Pengurusan Mayat
  - Faedah Pemulihan Jasmani / Vokasional / Program RTW
  - Faedah Pendidikan


KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PERKESO
Belanjawan 2023
MALAYSIA MADANI
Program Saringan Kesihatan (HSP) 3.0
Program Saringan Kesihatan (HSP) 3.0 menawarkan pemeriksaan kesihatan percuma kepada pekerja yang layak bagi pengesanan awal Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) seperti diabetes, darah tinggi, kanser dan risiko penyakit jantung bermula 16 Mei 2023 hingga 31 Disember 2023.
Program ini juga terbuka kepada individu yang pernah menjalani HSP sebelum ini.
Jenis pemeriksaan yang ditawarkan
Pemeriksaan Fizikal
Saringan Kesihatan Mental
Khidmat Nasihat
Kriteria Kelayakan
Warganegara Malaysia
Berumur antara 40 hingga 59 tahun
Merupakan pencarum aktif PERKESO di bawah Skim Keilatan (sekurang-kurangnya mempunyai satu (1) caruman terkini dalam tahun semasa)
Mempunyai sekurang-kurangnya 12 bulan caruman di bawah Skim Keilatan
Ujian Pemeriksaan
Full blood count (FBC)
HBA1c
Fasting Lipid Profile
Renal Profile
Liver Function Test
Tumour Marker (CEA & AFP)
Urine FEME
Pap smear (untuk wanita)
Mamogram (untuk wanita)
Muat turun aplikasi SEHATi di telefon mudah alih untuk:
Semak kelayakan
Tetapkan janji temu saringan kesihatan
Akses keputusan saringan kesihatan
Muat turun aplikasi SEHATi
sehati.perkeso.gov.my
*Tertakluk kepada terma dan syarat PERKESO
HSP Program Saringan Kesihatan PERKESO
SEHATi
Agenda Nasional Malaysia Sihat
Jom Saring!
Untuk maklumat lanjut, hubungi:
1-300-22-8000
perkeso@perkeso.gov.my

# AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI (AKSPS) 2017

**AKTA 789**

# SKIM KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI

- Diwujudkan untuk memberi perlindungan kepada individu yang menjalankan **pekerjaan sendiri**.
- Perlindungan Skim Bencana Kerja sahaja (Kecuali RTW)
- Permulaan skim ini diwajibkan ke atas **Sektor Pengangkutan Penumpang** iaitu pemandu teksi, e-hailing dan pemandu bas (mulai 1 Jun 2017).
- Mulai 1 Januari 2020, perlindungan SKSPS diperluaskan kepada **19 sektor pekerjaan sendiri** yang lain.

# SKIM KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI



# SKIM KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI

Mulai 1 Januari 2020, perlindungan SKSPS diperluaskan kepada 19 sektor pekerjaan sendiri yang lain:

1. Pengangkutan Barangan dan Makanan
2. Pertanian
3. Penternakan
4. Perhutanan
5. Perikanan
6. Makanan
7. Pembuatan
8. Pembinaan
9. Penjaja
10. Premis Penginapan
11. Perniagaan Online
12. Teknologi Maklumat
13. Pemprosesan Data
14. Ejen
15. Perkhidmatan Profesional
16. Perkhidmatan Sokongan
17. Kesenian
18. Perkhidmatan Isi Rumah
19. Penjagaan Perawatan dan Pemulihan Kesihatan

# SKIM KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI



| Bil. | Pendapatan Bulanan | Bayaran Caruman Bulanan | Bayaran Caruman Setahun |
|---|---|---|---|
| 1 | RM1,050 | RM13.10 | RM157.20 |
| 2 | RM1,550 | RM19.40 | RM232.80 |
| 3 | RM2,950 | RM36.90 | RM442.80 |
| 4 | RM3,950 | RM49.40 | RM592.80 |

***Bayaran caruman secara online melalui perbankan internet di https://matrix.perkeso.gov.my/**

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA PERKESO

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

PERKESO

# SKIM KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI (SKSPS)

Belanjawan 2024 MALAYSIA MADANI

## SPS PADANAN CARUMAN

Tarikh Berkuatkuasa **01 Januari 2024**

**SPS PADANAN CARUMAN** adalah pembiayaan padanan caruman bagi Caruman Pelan 2 (RM232.80) di mana 90% (RM209.50) caruman dibiayai oleh Kerajaan manakala baki 10% (RM23.30) perlu dibayar oleh Orang Bekerja Sendiri (OBS) bagi mendapatkan perlindungan selama 12 bulan (1 tahun) sebagaimana yang diumumkan oleh YB Menteri Kewangan semasa pembentangan Bajet 2024.

### 11 KATEGORI KUMPULAN SASARAN

- **SPS Agro 2.0** Individu yang menjalankan aktiviti industri asas tani, penternakan, perhutanan, perladangan
- **SPS Asal 3.0** Orang Asli Semenanjung dan Asal Sabah/ Sarawak yang bekerja sendiri di bawah 20 sektor
- **SPS Didik 2.0** Individu yang menjalankan aktiviti pendidikan yang bekerja sendiri di bawah 20 sektor
- **SPS Gig 4.0** Individu yang menggunakan aplikasi digital (service platform provider) di bawah 20 sektor
- **SPS Jaja 3.0** Individu yang menjalankan aktiviti bekerja sendiri di Sektor Penjaja & Makanan
- **SPS Joran 2.0** Individu yang menjalankan aktiviti bekerja sendiri di Sektor Perikanan
- **SPS Lain Upaya 3.0** Individu kurang upaya yang menjalankan aktiviti bekerja sendiri di bawah 20 sektor
- **SPS Seni 3.0** Individu yang menjalankan aktiviti bekerja sendiri di bawah Sektor Kesenian
- **SPS Servis 2.0** Individu yang menjalankan aktiviti perkhidmatan di bawah 20 sektor
- **SPS Sukan 2.0** Semua sukan Malaysia termasuklah sukan tradisional dan moden
- **SPS Usahawanita 3.0** Individu wanita yang menjalankan aktiviti bekerja sendiri di bawah 20 sektor

## 8 FAEDAH & MANFAAT SKSPS

**RM23.30** untuk perlindungan setahun



- Faedah Perubatan
- Faedah Hilang Upaya Sementara
- Faedah Hilang Upaya Kekal
- Faedah Orang Tanggungan
- Elaun Layanan Sentiasa
- Faedah Pengurusan Mayat
- Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional
- Faedah Pinjaman Pendidikan

### SYARAT KELAYAKAN

- Bertaraf warganegara Malaysia/ pemastautin tetap tanpa mengira had umur
- Individu yang menjalankan aktiviti pekerjaan sendiri untuk mencari nafkah
- Bekerja sepenuh masa atau separuh masa
- OBS bekerja di Malaysia

### CARA PERMOHONAN

- Melalui Portal Matrix : matrix.perkeso.gov.my
- Melalui aplikasi mudah alih PERKESO
- Melalui Ejen Korporat PERKESO yang berdaftar
- Hadir ke pejabat PERKESO yang berdekatan

### DOKUMEN SOKONGAN

- Salinan Kad Pengenalan
- Salinan surat pengesahan pekerjaan daripada pihak berkuasa atau persatuan yang berkaitan tertakluk kepada jenis sektor

Imbas Kod QR atau layari matrix.perkeso.gov.my untuk pendaftaran

Untuk maklumat lanjut: • 1-300-22-8000 • perkeso@perkeso.gov.my • www.perkeso.gov.my

PERKESO Prihatin

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

PERKESO

# AKTA SKIM KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH (SKSSR)

**AKTA 838**

PERKESO Prihatin

PERKESO

# Latar Belakang SKSSR

Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah {SKSSR) yang diperkenal di bawah Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 bertujuan untuk menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan suri rumah daripada bencana domestik dan keilatan semasa menguruskan rumah tangga.

Skim ini mengiktiraf peranan suri rumah dalam pembangunan institusi keluarga atau 'care economy' dan secara langsung atau tidak langsung, membantu menjana ekonomi negara. Justeru, skim ini memastikan tiada suri rumah yang layak tercicir daripada menerima perlindungan keselamatan sosial, selari dengan prinsip *'no one is left behind'.*

SKSSR yang akan berkuat kuasa pada 1 Disember 2022, ditadbir oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Skim ini menyediakan faedah-faedah di bawah perlindungan Bencana Domestik dan Keilatan. Penyertaan dalam SKSSR adalah secara sukarela dan terbuka kepada golongan suri rumah warga negara Malaysia atau pemastautin tetap yang berumur kurang daripada 55 tahun.

## Skop Perlindungan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah

SKSSR memberi perlindungan kepada suri rumah yang mengalami kemalangan, penyakit atau apa-apa insiden semasa melakukan urusan berkaitan rumah tangga sehingga menyebabkan hilang upaya kekal atau keilatan yang menjejaskan keupayaan suri rumah untuk menguruskan rumah tangganya.

Bencana domestik boleh berlaku di dalam atau di luar rumah yang menyebabkan kecederaan diri kepada seseorang suri rumah akibat daripada dan semasa menguruskan rumah tangganya.

SKSSR juga melindungi suri rumah yang ditimpa penyakit atau keuzuran, di mana penyakit atau keuzuran tersebut diperakukan keilatannya oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan.

# AKTA 838 (SKIM KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH)

## SIAPAKAH SURI RUMAH ?

**Seorang Perempuan** → **Berkahwin @ Belum** → **Menguruskan rumah tangga secara sepenuh @ separuh masa**

**Termasuk:**

- **Seorang isteri, janda @ balu yang berkahwinnya didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis**
- **Seorang ibu kepada seorang anak @ lebih termasuklah ibu tunggal**

## SYARAT KELAYAKAN

- ✓ **Warganegara Malaysia/ Pemastautin Tetap**
- ✓ **Belum mencapai 55 tahun / Belum mencapai umur 54 tahun pada tarikh pertama kali hendak mencarum**
- ✓ **Caruman dibayar terlebih dahulu (12 bulan)**

# AKTA 838 (SKIM KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH)

PERKESO

## RM120 SETAHUN

**Dibayar secara *'advance payment'***

## Dibayar oleh:

- **Suri Rumah**
- **Suami Suri Rumah**

  Konsep 'once in always in' untuk memastikan pelindungan berterusan
- **Kerajaan / NGO / Pihak ketiga**

## TEMPOH CARUMAN

**Suatu tempoh 12 bulan berturut-turut**

**Mulai dari waktu dan tarikh caruman itu dibayar terlebih dahulu dan tamat pada waktu dan tarikh sebagaimana yang ditetapkan**

**1 DISEMBER 2022**
**10.00 Pagi**

**30 NOVEMBER 2023**
**11.59 Malam**

## BORANG SR 1
## PENDAFTARAN SURI RUMAH

https://suri.perkeso.gov.my/

PERKESO

**BORANG SR 1**

(Peraturan 2 - Peraturan - Peraturan Keselamatan Sosial Suri Rumah (Pendaftaran Dan Caruman) 2022

**PENDAFTARAN SURI RUMAH /** *HOUSEWIFE'S REGISTRATION FORM*

**A. BUTIR-BUTIR SURI RUMAH /** *PARTICULARS OF HOUSEWIFE'S*

A1. Nama * *Name*

A2. Alamat tempat tinggal* / *Residential Address* *

Poskod *Poscode* | Bandar *City* | Negeri *State*

Peti Surat *Mailbox* | No. Beg Berkunci *Locked Bag No.* | WDT *WDT* | (Bagi Sabah/Sarawak) *(For Sabah/Sarawak)*

A3. Tarikh lahir * *Date of Birth* (Hari *Day*, Bulan *Month*, Tahun *Year*)

A4. Kewarganegaraan* *Nationality*: Malaysia *Malaysian* | Pemastautin Tetap *Permanent Resident*

A5. No. KPPN * *IC No.*

A6. Jantina* *Gender*: Perempuan *Female* | Lelaki *Male*

A7. Bangsa* *Race*: Melayu *Malay* | Cina *Chinese* | India *Indian* | Bumiputra Sabah *Bumiputra Sabah* | Bumiputra Sarawak *Bumiputra Sarawak* | Lain-lain *Others*

A8. No. Telefon* *Phone No.*

A9. E-Mel *E-mail*

A10. Status Pekerjaan* *Employment Status*: Tidak Bekerja *Not Employed* | Bekerja sendiri *Self-Employed* | Bekerja *Employed*

A11. Kategori Suri Rumah* *House wife Category*: Tidak pernah berkahwin *Never Married* | Berkahwin *Married* | Bercerai *Divorced* | Balu *Widow*

A12. Bilangan Anak *Number of Children*

A13. Jika berkahwin, pilihan bayaran caruman adalah * *If married,*: *Caruman Dibayar Sendiri oleh Suri Rumah* *Contributions Paid by the Housewife* | *Caruman dibayar oleh suami* *Contributions Paid by the Husband*

**B. BUTIR-BUTIR SUAMI (jika ber**

B1. Nama * *Name*

B2. Warganegara* *Nationality*

B4. E-Mel *E-mail*

**C. PENGESAHAN PEMBAYAR /**

Suri Rumah *House Wife* : Saya memperakui bahawa sepanjang : *I certify that to the best of my knowled*

Suami : *Saya bersetuju untuk membayar caru Caruman bagi suri rumah hendaklah tahun, bercerai atau mati, mana-mana apabila disabitkan, dedenda tidak me membayar caruman yang dia telah m* ***sebelum tamat tempoh caruma***

Husband : *I agree to pay the contribution on be The contributions payable in respect housewife or husband dies, whicheve conviction, be liable to a fine not exce husband is unable to pay the contribu* ***before the expiry*** *of the existing c*

**KOD RUJUKAN : P03258**
**PROGRAM : PEJABAT PERKESO PETALING JAYA**

**BAYARAN CARUMAN**

Jenis Perlindungan *
Suri Rumah

Pilihan Tempoh Caruman *
RM 120.00 [ 12 Bulan ]

Pejabat Yang Menganjurkan Program *
Pejabat PERKESO Petaling Jaya

Kod Rujukan (Jika Ada)
P03258

# AKTA 838 (SKIM KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH)

PERKESO

## BENCANA DOMESTIK

**Kecederaan diri pada SRB yang disebabkan :**

- **Suatu kejadian berakibat daripada dan semasa menguruskan rumah tangganya termasuklah ahli keluarganya dan bukan bagi apa-apa perusahaan, perdagangan, perniagaan atau profesion yang dijalankan olehnya**

S20(3)

- **Kejadian yang berkaitan dengan tuntutan hendaklah berlaku di dalam Malaysia**

### PENENTUAN AKTIVITI YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENGURUSAN RUMAH TANGGA

**S18(1) Berdasarkan apa-apa maklumat @ keterangan yang ada, sama ada apa-apa aktiviti yang dijalankan oleh suri rumah berinsurans di bawah Akta ini adalah berhubung dengan pengurusan rumah tangga.**

### KEJADIAN SEMASA TERLIBAT DALAM PERBUATAN MENYALAHI UNDANG-UNDANG

**S28(1) Tuntutan boleh ditolak jika berpuas hati, kejadian / kemalangan berlaku semasa SRB:**

a. **dalam perjalanan atau persediaan untuk melakukan suatu perbuatan menyalahi undang-undang**

b. **telah melakukan/bersuhabat/ terlibat dalam perbuatan menyalahi undang-undang**

# AKTA 838 (SKIM KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH)

## FAEDAH HILANG UPAYA BENCANA DOMESTIK



### FAEDAH PERUBATAN

- Berdasarkan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4] mengikut Akta Fi 1951.



### FAEDAH HILANG UPAYA KEKAL

- Bayaran pukal sehingga **RM30,000.00** mengikut jenis kecederaan.



### KEMUDAHAN PEMULIHAN JASMANI & DIALISIS

- Pembiayaan sehingga **RM50,000.00.**
- Rawatan dialisis sehingga **RM200.00 sebulan** atau mengikut Akta Fi 1951, mengikut yang terendah.



### ELAUN LAYANAN SENTIASA

- **RM250.00 sebulan.**
- Sehingga umur suri rumah berumur 55 tahun atau meninggal dunia, yang mana lebih awal.



### FAEDAH PENGURUSAN MAYAT

- **RM3,000.00** untuk sekali bayaran sahaja.



### PENCEN PENAKAT

- Bayaran **RM300.00 sebulan** sehingga duda berumur 55 tahun, meninggal dunia/berkahwin semula yang mana lebih awal dan anak sehingga umur 21 tahun @ Ijazah Pertama.
- Jika tiada duda/anak, bayaran kepada ibu-bapa sehingga umur 55 tahun/meninggal dunia yang mana lebih awal.

## FAEDAH KEILATAN



### KEMUDAHAN PEMULIHAN JASMANI & DIALISIS

- Pembiayaan sehingga RM50,000.00.
- Rawatan dialisis sehingga RM200.00 sebulan atau mengikut Akta Fi 1951, mengikut yang terendah.



### ELAUN LAYANAN SENTIASA

- RM250.00 sebulan.
- Sehingga suri rumah berumur 55 tahun atau meninggal dunia, yang mana lebih awal.



### ELAUN KEUZURAN

- RM300.00 sebulan.
- Sehingga suri rumah berumur 55 tahun atau meninggal dunia, yang mana lebih awal.



### FAEDAH PENGURUSAN MAYAT

- RM 3,000.00 untuk sekali bayaran sahaja.



### PENCEN PENAKAT

- RM 300 sebulan.
- Sehingga duda berumur 55 tahun, meninggal dunia/ berkahwin semula, yang mana lebih awal/Anak sehingga berumur 21 tahun @ Ijazah Pertama.
- Jika tiada duda/anak, bayaran kepada ibu-bapa sehingga berumur 55 tahun/meninggal dunia, yang mana lebih awal.

# SKIM KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH

## KELAYAKAN

- Wanita berkahwin atau belum termasuk janda atau balu yang menguruskan rumah tangga secara sepenuh masa atau separuh masa
- Warganegara Malaysia atau Pemastautin Tetap
- Berumur tidak lebih dari 55 tahun

## BENCANA DOMESTIK ??

Kecederaan diri pada suri rumah berinsurans yang disebabkan oleh suatu kejadian berakibat daripada dan semasa menguruskan rumahtangganya

**RM 120**

**SETAHUN DIBAYAR SECARA "PREPAID"**

## FAEDAH

### Faedah Hilang Upaya Bencana Domestik

- Faedah Perubatan
- Hilang Upaya Kekal
- Elaun Layanan Sentiasa
- Pencen Penakat
- Faedah Pengurusan Mayat
- Kemudahan Pemulihan Jasmani

### Faedah Keilatan

- Elaun Keuzuran
- Faedah Pengurusan Mayat
- Pencen Penakat
- Elaun Layanan Sentiasa
- Kemudahan Pemulihan Jasmani

**https://suri.perkeso.gov.my/**

# AKTA 838 (SKIM KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH)

## SIAPAKAH ORANG TANGGUNGAN?

**1 Suami suri rumah berinsurans yang mati yang hendaklah merupakan warganegara Malaysia**

| • **Syer Duda : 3/5** | |
|---|---|
| Tidak boleh dipindahmilik jika: | • Lebih 55 tahun<br>• Bukan warganegara<br>• Berkahwin semula<br>• Melakukan keganasan rumah tangga |
| Boleh dipindahmilik kepada anak jika: | • Tiada duda/ Telah bercerai<br>• Duda meninggal dunia |







**3 Ibu bapa suri rumah berinsurans yang mati yang hendaklah merupakan warganegara Malaysia**

- **Syer Ibu Bapa : 4/10**

**2 Anak yang berumur di bawah 21 tahun termasuk:**

- **Anak tiri tanggungan**
- **Anak tidak sah taraf**
- **Anak angkat di bawah mana-mana undang-undang**
- **Anak yang terencat mental atau tidak upaya secara fizikal dan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri (sehingga 55 tahun)**

- **Syer Anak : 2/5**

# AKTA 838 (SKIM KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH)

PERKESO

## TEMPOH PELINDUNGAN KEILATAN/PENAKAT

**a** **KEILATAN DALAM TEMPOH PELINDUNGAN 20 BULAN BAGI 12 BULAN CARUMAN YANG DIBAYAR**




**Keilatan antara 1/12/2022 hingga 31/7/2024 – Layak (Keilatan dalam tempoh 20 Bulan pelindungan)**

# SEKIAN, TERIMA KASIH

**untuk sebarang maklumat lanjut**

**Sila layari**

**www.perkeso.gov.my**

**atau hubungi kami di**

**1-300-22-8000**

**perkeso@perkeso.gov.my**

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

PERKESO